

Keluarga Malaysia berlandas 3 teras utama

BH - 9/10/2021
mb: 4



Ismail Sabri membunyikan hon sebagai simbolik pelepasan Skuad Keluarga Malaysia secara maya pada Majlis PraPelancaran #KeluargaMalaysia di Angkasapuri, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad /BH)

Keterangkuman dalam perbezaan, kebersamaan, kesyukuran kukuh semangat negara

Oleh Rohaniza Idris, Mahani Ishak dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Konsep Keluarga Malaysia yang mendasari kerajaan ketika ini adalah berlandaskan tiga teras iaitu keterangkuman dalam perbezaan, kebersamaan dan kesyukuran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Keluarga Malaysia menjunjung semangat Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian agama, bangsa dan kaum serta berpaksikan kepada Keluhuran Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Rukun Negara.

Perdana Menteri berkata, konsep dan pendekatan Keluarga Malaysia itu juga sebenarnya adalah berlandaskan nilai sedia

ada yang dimiliki dalam setiap keluarga.

Beliau berkata, apa yang dilakukan kerajaan adalah mengharmonikan dan mengangkat nilai berkenaan sebagai panduan mengukuhkan lagi kekuatan Malaysia.

“Sebuah institusi keluarga sentiasa berperanan memelihara agama, melindungi keselamatan, menjaga maruah dan memastikan nasib setiap ahli keluarga terbelah.

“Dalam konteks negara, kita adalah Keluarga Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, kaum dan usia.

“Meskipun berbeza kepercayaan, latar belakang dan budaya, kita meraikan keterangkuman atau *inclusivity* dalam perbezaan, menjunjung semangat Malaysia sebagai sebuah negara bangsa.

“Kemajmukan yang kita raihan inilah yang menjadi benih yang membugar dalam hati setiap rakyat Malaysia.

“Kelangsungan ini adalah aset yang mesti terus dipertahankan, dengan amalan hidup saling bermuafakat dan tidak berpecah belah.

“Ibarat seponon pokok, akar Keluarga Malaysia bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, manakala ba-

tang dan ranting menjulang kukuh nilai Keluarga Malaysia.

“Apabila membuah hasil seperti daun, bunga dan buah yang subur serta memanfaatkan rakyat, inilah metafora Keluarga Malaysia,” katanya berucap pada prapelancongan Keluarga Malaysia, di Wisma Angkasapuri RTM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim serta barisan jemaah menteri.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyuarakan rompi kepada lima menteri yang terbabat dalam penyelarasan Keluarga Malaysia dan melepaskan konvoi Skuad Keluarga Malaysia sebagai gimik pelancaran.

Perdana Menteri menjelaskan, idea Keluarga Malaysia juga mengambil semangat institusi keluarga yang sentiasa berperanan memelihara agama, melindungi keselamatan, menjaga maruah dan memastikan nasib setiap ahli keluarga terbelah.

Katanya, dalam konteks negara, konsep Keluarga Malaysia meraikan keterangkuman perbezaan agama, bangsa, kaum dan usia.

“Melalui penyelarasan berterusan, kita merangka pelbagai

inisiatif dan usaha bagi memastikan tidak ada Keluarga Malaysia yang ketinggalan,” katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, Skuad Keluarga Malaysia ditubuhkan bagi menyelaraskan semua mekanisme penyampaian bantuan untuk rakyat yang memerlukan di seluruh negara.

Katanya, skuad itu diterajui Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kolaborasi pelbagai agensi di bawah kementerian berbeza, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Setakat ini, seramai 10,000 anggota Skuad Keluarga Malaysia sudah bersedia untuk digerakkan ke segenap pelosok negara bagi membantu rakyat yang terkesan ekoran pandemik COVID-19.

“Jumlah ini dijangka bertambah apabila lebih banyak kementerian dan agensi serta sukarelawan Keluarga Malaysia mendaftarkan diri,” katanya.

Perdana Menteri berkata, ketutamaan kerajaan ketika ini memerangi kemelut kesihatan dan ekonomi tanpa memandang siapa yang ditimpa musibah.

“Yakinlah bahawa hanya me-

lalui kerjasama penuh daripada Keluarga Malaysia, peperangan melawan pandemik COVID-19 akan berakhir dengan kemenangan.

“Semoga di sebalik pelitup muka yang menjadi sebahagian norma baharu kehidupan kita ini, akan terukir kembali senyuman bahagia Keluarga Malaysia yang saya kasihi,” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, setiap kementerian dan agensi kini juga sedang giat mengenal pasti produk yang bersesuaian untuk diangkat menjadi sebahagian usaha membantu rakyat dalam memastikan kejayaan Keluarga Malaysia.

Ismail Sabri berkata, kerajaan turut memperkenalkan mekanisme Keberhasilan Kebahagiaan (Key Happiness Outcome - KHO) yang juga pelengkap kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

“Garis panduan ini akan dibentuk berasaskan nilai sejagat sedia ada, termasuk Indeks Kebahagiaan yang diguna pakai kebanyakan negara di seluruh dunia,” katanya.

Sementara itu, Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri akan menjadi sebahagian daripada sekretariat bagi pelaksanaan Keluarga Malaysia.